A

Pendakwa Raya lwn Suruj Dev Sah Teli

B MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — KES JENAYAH NO 458–05–09 TAHUN 2017
MOHD RADZI H
30 DISEMBER 2020

C *Prosedur Jenayah — Perbicaraan — Beban pembuktian — Kes prima facie — Pembuktian melampaui keraguan munasabah — Sama ada pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie melalui keterangan yang boleh dipercayai — Sama ada pendakwaan telah membuktikan bahawa tertuduh telah melakukan bunuh melampaui keraguan munasabah — Kanun Keseksaan s 302*

D

Tertuduh telah dituduh dibawah s 302 Kanun Keseksaan yang mana pada mulanya menetapkan masa iaitu pada 2.30 pagi dan kemudiannya telah di pinda ke 'di antara 1.30 pagi hingga 4.05 pagi' dan pada mulanya dikatakan telah membunuh si mati yang kemudianya dipinda kepada 'telah membunuh
E dengan menyebabkan kematian'. Fakta ringkas kes adalah pada 2 Disember 2016 lebih kurang 4.05 pagi, SP1 telah menerima maklumat daripada SP16 mengenai kematian si mati setelah SP16 hadir di Balai Polis Hutan Melintang dengan SP10. Setelah menerima maklumat tersebut daripada SP1, SP8 bersama rakan setugasnya telah ke tempat kejadian dan melihat si mati
F terbaring berlumuran darah di atas tilam toto yang terletak dibahagian ruang tamu rumah tersebut. SP7 kemudiannya telah tiba dan mengesahkan kematian si mati. SP17 merumuskan punca kematian si mati adalah kecederaan di bahagian kepala akibat trauma tumpul akibat kesan pecah 3 hingga 5 inci pada tengkorak kepala si mati menggunakan satu senjata tumpul yang konsisten
G dengan tukul besi menggunakan suatu kudarat yang kuat. Satu tangkapan telah dilakukan pada 3 Disember 2016 ke atas SP11 dan satu tangkapan susulan telah dibuat kepada SP16. Setelah soal siasat dilakukan, suatu tangkapan telah dibuat kepada tertuduh yang mana turut dirampas adalah satu *laptop*. Tertuduh telah memberitahu SP12 bahawa dia telah membuang satu
H tukul besi di kawasan semak itu dan dengan bantuan seekor anjing polis Unit K9, suatu tukul besi telah dijumpai di kawasan semak tersebut. Tukul besi tersebut telah dianalisa dan ianya tidak menunjukan sebarang kesan DNA akibat faktor cuaca, air, suhu dan sebagainya. Keterangan SP16 menyatakan bahawa tertuduh ingin mengahwininya tetapi dimaklumkan kepada tertuduh
I bahawa dia masih berkahwin dengan si mati. Tertuduh telah menelefon SP16 memaklumkan bahawa dia ingin datang ke rumah SP16 untuk memukul suaminya pada malam tersebut. Pada waktu malam, SP16 telah dihubungi oleh tertuduh menyuruhnya membuka pintu belakang, dan SP16 cuba mengejutkan si mati namun tidak berjaya. Disebabkan tertuduh terus

mengetuk pintu belakang rumahnya, SP16 membuka pintu dan pada waktu itu tertuduh menolaknya dan meluru masuk ke dalam rumah dan SP16 melihat tertuduh memegang satu tukul besi yang dicamkan. SP16 melihat tertuduh menghayun tukul besi ke arah kepala si mati dan mendengar bunyi si mati mengerang kesakitan. Tertuduh menyatakan bahawa dia menafikan bahawa dia telah membunuh si mati dan sebenarnya SP16 yang membunuh si mati dan dia telah dianaiya oleh si mati. Tertuduh menyatakan bahawa dia dan SP16 merupakan bekas kekasih dan telah diganggu dengan panggilan telefon berkali-kali bermula jam 10 malam sehingga 1.45 pagi yang mana SP16 meminta tertuduh untuk datang ke rumah SP16 kerana ada kecemasan dan bapa SP16 meminta tertuduh datang segera. Apabila tertuduh berjumpa dengan SP16 dikawasan belakang rumah tersebut, SP16 telah memberitahu tertuduh bahawa dia telah membunuh suaminya dan meminta tertuduh untuk ikutnya balik ke rumah dan membantu membuang mayat suaminya ke dalam hutan. Tertuduh menjelaskan bahawa tukul yang dijumpai dalam semak berhampiran tempat kejadian sebenarnya ditunjuk oleh SP16 kepada SP12. Tertuduh meyatakan bahawa pada malam kejadian semasa beliau keluar dari rumah SP16 beliau nampak tukul tersebut tiba-tiba ada dalam bakul motosikalnya yang mana dia telah membuangnya ke dalam semak tanpa berfikir panjang kerana dalam ketakutan. Tertuduh menyatakan bahawa selurus kejadian tersebut telah diceritakannya kepada SD2 yang juga merupakan kenalan SP16.

Diputuskan, mensabitkan tertuduh dengan kesalahan dan menjatuhkan hukuman mati mandatori:

(1) Mahkamah berpuas hati di akhir kes pendakwaan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie melalui keterangan yang boleh dipercayai dan setelah mahkamah membuat satu penilaian maksimum terhadap semua keterangan yang dikemukakan berdasarkan setiap inti pati pertuduhan. Tiada beban pembuktian di pihak tertuduh dan cukuplah jika keterangan di pihaknya membuatkan timbul suatu keraguan munasabah kepada mahkamah tentang kebersalahannya. Namun demikian, keraguan munasabah tidak pula bermaksud mahkamah boleh menerima suatu bentuk keraguan rekaan tertuduh (lihat perenggan 20 & 23).

(2) Selepas membuat penelitian maksima terhadap kesemua keterangan yang dikemukakan, dan menerima keterangan SP16 yang merupakan saksi yang menyaksikan sendiri kejadian sebelum kematian si mati yang dengan jelas menerangkan penglibatan tertuduh membunuh si mati menggunakan tukul besi dan menerima keterangan SP17 yang menyatakan kematian berpunca dari kecederaan akibat trauma tumpul yang adalah konsisiten dengan eksh P6(12)(a) (lihat perenggan 24–25).

(3) Setelah meneliti dan membuat penilaian maksima terhadap keterangan tertuduh dan SD2, mahkamah memutuskan bahawa ianya gagal untuk menimbulkan satu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Apabila dinilai secara menyeluruh keterangan-keterangan mahkamah berpuas hati bahawa satu kes yang melampaui keraguan munasabah telah dibuktikan bahawa kematian si mati adalah akibat perbuatan tertuduh (lihat perenggan 27–28).

[English summary

The accused was charged under s 302 of the Penal Code which initially stipulated the time being 2.30am and then amended to 'between 1.30am till 4.05am' and was initially stated to have murdered the accused which was then amended to 'had murdered by causing death'. The brief facts of the case was that between 2 December 2016 at around 4.05am, SP1 had received information from SP16 regarding the death of the deceased as SP16 was present at the Hutan Melintang Police Station with SP10. After receiving the said information from SP1, SP8 with his colleague had gone to the crime scene and saw the deceased sprawled in blood on a toto which was placed in the living room of the said house. SP7 then arrived and confirmed the death of the deceased. SP17 concluded that the cause of death of the deceased was due to the blunt force trauma injury at the head due to the signs of breaking approximately 3 to 5 inches at the skull of the deceased using a blunt weapon which was consistent with a hammer using strong force. An arrest was made on 3 December 2016 on SP11 and a subsequent arrest was made on SP16. After interrogations were conducted, an arrest was made on the accused where also seized was a laptop. The accused had told SP12 that he had disposed of a hammer in the bushes and with the aid of a K9 Unit dog, a hammer was found in the bushes. The hammer was analysed and it did not show any DNA due to weather, water, temperature and miscellaneous factors. The evidence of SP16 stating the accused wanted to marry her but had informed the accused that she was still married to the deceased. The accused had called SP16 and informed that he wanted to come to SP16's house to beat her husband up on the said night. At night, SP16 was contacted by the accused who asked her to open to door, and SP16 tried to wake the deceased but was not successful. Because the accused kept knocking on the door at the back of her house, SP16 opened the door and at the time, the accused pushed her aside and rushed into the house and SP16 saw the accused holding a hammer which was identified. SP16 saw the accused swing the hammer towards the head of the deceased and could hear the sound of the deceased whimpering in pain. The accused denied that he had killed the deceased and actually SP16 was the one who killed the deceased because she was abused by the deceased. The accused stated that he and SP16 were former lovers and was disturbed with multiple phone calls between 10pm till 1.45am where SP16 requested that the accused to come to SP16 house due to an emergency and SP16 father asked the accused to come immediately. When the accused met with SP16 in the area behind the said house, SP16 had

told the accused that she had killed her husband and asked the accused to follow her back home and to help disposed of her husband's body in the jungle. The accused explained that the hammer found in the bushes near the crime scene was shown by SP16 to SP13. The accused stated that at the night of the incident when he left SP16's house, he suddenly saw the hammer in the basket of his motorcycle where he had thrown it into the bushes without thinking because he was scared. The accused also stated that after the said incident he had told to SD2 who was also an acquaintance of SP16.

Held, convicting the accused with the offence and sentencing him to death:

(1) The court was satisfied that at the end of the prosecution's case that the prosecution had proven a prima facie case through credible evidence and after the court conducted a maximum evaluation towards all the evidence adduced based on each element of the offence. There was no burden of proof on the part of the accused and it would suffice if he could raise a reasonable doubt to the court regarding his guilt. However, a reasonable doubt did not mean that the court could accept a form of doubt that was concocted by the accused (see paras 20 & 23)

(2) After conducting a maximum evaluation towards all the evidence adduced and accepting the evidence of SP16 who was the witness who saw the incident before the death of the deceased which clearly explained the involvement of the accused who killed the deceased using a hammer and accepting the evidence of SP17 who stated that the death of the deceased was due to a blunt force trauma which was consistent with exh P6(12)(a) (see paras 24–25).

(3) After studying and conducting a maximum evaluation towards the evidence of the accused and SD2, the court finds that it had failed to raise a reasonable doubt to the case of the prosecution. When evaluating the evidence as a whole, the court was satisfied that a case beyond a reasonable doubt was proven that the death of the deceased was due to the actions of the accused (see paras 27–28).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah bin Atan v PP and other appeals [2020] 6 MLJ 727; [2020] 9 CLJ 151, MP (dirujuk)
Mat v PP [1963] 1 MLJ 263; [1963] 1 LNS 82 (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311, MA (diikut)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (diikut)
PP v Ong Cheng Heong [1998] 6 MLJ 678; [1998] 4 CLJ 209, MT (diikut)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89; [1968] 1 LNS 116, PC (dirujuk)
Puganeswaran a/l Ganesan & Ors v PP and other appeals [2020] 12 MLJ

165; [2020] 9 CLJ 326, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 302

Ainul Wardah bt Shahidan (Kenneth Oon Kork Chern dan Afiqa Liyana bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak) bagi pihak plaintif.
Kharen Jit Kaur (Law Chambers of Kharen Jit & Assoc) bagi pihak defendan.

Mohd Radzi H:

PERTUDUHAN

[1] Pertuduhan asal terhadap Suruj Dev Sah Teli ('tertuduh') adalah sebegini:

> Bahawa kamu pada 2/12/2016 jam lebih kurang 2.30 pagi bertempat di dalam rumah di Lot 3577, Kampung Mutiara Batu 10, Jalan Hutan Melintang, dalam Daerah Hilir Perak, di dalam Negeri Perak, telah membunuh Harithas a/l Raman (No KP 820523–08–5685), dan oleh dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Tertuduh selanjutnya dihadapkan dengan pertuduhan pindaan yang berikut:

> Bahawa kamu pada 02/12/2016 jam di antara 1.30 pagi hingga 4.05 pagi bertempat di alamat No. 3577, Kampung Mutiara Batu 10, Jalan Hutan Melintang, 36400 Hutan Melintang, di dalam daerah Hilir Perak, di dalam Negeri Perak, telah membunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Harithas a/l Raman (No KP 820523–08–5685), dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

RINGKASAN KES PIHAK PENDAKWAAN

[3] Pada 2 Disember 2016 jam lebih kurang 4.05 pagi, SP1 (anggota polis bertugas di Pejabat Pertanyaan Balai Polis Hutan Melintang) menerima maklumat dari SP16 mengenai kematian Harithas a/l Raman ('si mati') setelah SP16 hadir di balai polis itu bersama bapanya, SP10. SP16 adalah isteri si mati. Setelah menerima maklumat itu dari SP1, SP8 (anggota polis yang membuat rondaan di kawasan berkenaan) bersama rakan setugasnya telah pergi ke tempat kejadian, rumah SP16 di alamat Lot 3577, Kampung Mutiara Batu 10, Jalan Hutan Melintang, Perak. Sesampai di tempat kejadian SP8 melihat mayat si mati terbaring berlumuran darah di atas tilam toto yang terletak di bahagian ruang tamu rumah itu. Beberapa ketika kemudian SP7 ('Penolong Pegawai Perubatan Klinik Hutan Melintang') tiba dan mengesahkan kematian si mati setelah pemeriksaan dibuat. Sejurus selepas itu SP18 ('pegawai

penyiasat') dan SP6 ('jurufoto') tiba. Mayat si mati kemudiannya dibawa ke Hospital Hutan Melintang untuk bedah siasat yang dijalankan oleh SP17, yang merumuskan punca kematian si mati adalah kecederaan kepala akibat trauma tumpul. SP17 juga mengesahkan kecederaan sedemikian adalah hasil kesan pecah 3–5 inci pada tengkorak kepala si mati menggunakan suatu senjata tumpul yang konsisten dengan tukul besi seperti eksh P6(12)(a) menggunakan suatu kudrat yang kuat.

[4] Pada 3 Disember 2016 jam 1 pagi suatu tangkapan dibuat ke atas SP11 (abang SP16), dan pada tarikh sama jam 10 malam suatu tangkapan susulan dibuat ke atas SP16.

[5] Setelah soal siasat dibuat terhadap SP11 dan SP16 oleh SP18, pada tarikh 4 Disember 2016 jam 12.10 pagi suatu tangkapan dibuat ke atas tertuduh oleh SP12. Turut dirampas bersama tertuduh oleh SP12 termasuklah sebuah *laptop* ('eksh P308(1)'). Pada jam 5.30 petang tarikh yang sama, 4 Disember 2016, tertuduh telah membawa SP12 bersama pasukannya ke suatu kawasan semak berdekatan rumah si mati dan menurut keterangan SP12, tertuduh telah memberitahunya bahawa dia telah membuang suatu tukul besi di kawasan semak itu. Dengan bantuan seekor anjing polis Unit K9, suatu tukul besi ('eksh P6(12)(a)') dijumpai di kawasan semak itu. Ekshibit P6(12)(a) telah dianalisa oleh SP13 ('ahli kimia') dan menurut keterangan SP13 ia tidak menunjukkan sebarang kesan DNA akibat faktor cuaca, air, suhu dan sebagainya.

[6] Menurut keterangan saksi utama pihak pendakwaan, SP16, beliau mula mengenali tertuduh semasa dia bekerja di Kilang Tai San, Hutan Melintang, Perak sekitar hujung tahun 2014. Setelah sebulan beliau mengenali tertuduh, tertuduh mengajak SP16 berkahwin tetapi ditolak oleh SP16 kerana dia masih berkahwin dengan si mati, walaupun telah berpisah dengan si mati sejak bulan Oktober 2013. Menurut SP16 tertuduh pernah berkunjung ke rumahnya untuk memberitahu bapa SP16 niatnya untuk mengahwini SP16 tetapi tidak dibenarkan oleh bapa SP16. Pada awal tahun 2016 si mati telah kembali tinggal bersama SP16 di rumah seperti alamat tempat kejadian.

[7] Menurut keterangan SP16 pada tengah hari 1 Februari 2016 tertuduh menelefonnya memaklumkan ingin datang ke rumah SP16 pada sebelah malam tarikh itu untuk memukul suaminya, si mati. Pada jam lebih kurang 1.20 pagi 2 Disember 2016 tertuduh menelefon SP16 memberitahu dia telah menunggu di belakang rumah itu dan menyuruh SP16 membuka pintu belakang rumah itu. SP16 cuba mengejutkan si mati yang sedang tidur di bahagian ruang tamu rumah tetapi dia tidak bangun. Disebabkan tertuduh terus mengetuk pintu belakang rumahnya, SP16 lalu membuka pintu belakang rumahnya dan pada waktu itu tertuduh telah menolaknya dan

meluru masuk ke dalam rumah. Pada waktu itu SP16 nampak tertuduh memegang suatu tukul besi yang dicamkan sebagai eksh P6(12)(a). SP16 kemudian nampak tertuduh menghayun tukul besi itu ke arah kepala si mati. Pada waktu itu SP16 masuk ke dalam biliknya tetapi dia mendengar bunyi si mati mengerang kesakitan yang kuat. SP16 juga dalam keterangannya telah mengecam gambar-gambar di eksh P22(A)-(D) sebagai kawasan semak bersebelahan rumahnya. Ekshibit P22(A)-(D) adalah gambar-gambar kawasan semak di mana tukul besi ('eksh P6(12)(a)') ditemui setelah ditunjukkan oleh tertuduh kepada SP12.

[8] Setelah membuat penilaian maksimum terhadap semua keterangan pihak pendakwaan, berdasarkan prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 iaitu:

> (i) ... subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;
>
> (ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted ...

Maka saya berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh lalu tertuduh dipanggil membela diri seperti dalam pertuduhan.

KES TERTUDUH

[9] Keterangan tertuduh dalam pembelaannya adalah konsisten dengan laporan polisnya bertarikh 7 Oktober 2019, eksh D65. Laporan polis ini dibuat oleh tertuduh setelah beliau memohon kepada mahkamah ini secara terus di hadapan saya semasa tarikh perbicaraan pada 7 Oktober 2019.

[10] Secara ringkasnya tertuduh menafikan beliau yang membunuh si mati tetapi SP16 yang sebenarnya membunuh si mati tetapi beliau telah dianiaya oleh SP16.

[11] Menurut tertuduh, beliau dan SP16 merupakan bekas pasangan kekasih. Pada malam tarikh kejadian 1 Disember 2016, tertuduh menyatakan beliau telah diganggu dengan panggilan telefon berkali-kali oleh SP16 bermula

jam 10 malam hingga jam 1.45 pagi 2 Disember 2016. Akhirnya beliau jawab panggilan SP16 dimana tertuduh telah diminta oleh SP16 untuk datang ke rumah SP16 kerana ada kecemasan dan bapanya meminta tertuduh datang segera ke rumahnya. Akhirnya pada jam lebih kurang 2.15–2.20 pagi tertuduh datang berjumpa SP16 di suatu kawasan berhampiran belakang rumah SP16. Sesampainya di situ, SP16 memberitahu tertuduh yang SP16 telah membunuh suaminya dan meminta tertuduh untuk ikutnya balik ke rumah dan membantunya membuang mayat suaminya ke dalam hutan. Apabila beliau masuk ke dalam rumah SP16 mengikut pintu belakang rumah itu yang dibuka oleh SP16, beliau nampak darah di bahagian hadapan rumah dan melihat mayat si mati terbaring atas lantai di bahagian ruang tamu rumah dalam keadaan berlumuruan darah. Beliau ketakutan lalu keluar rumah itu mengikut pintu belakang rumah itu.

[12] Perihal keterangan saksi pihak pendakwaan SP12 mengenai tukul besi ('eksh P612(a)') yang dijumpai dalam semak berhampiran kawasan rumah tempat kejadian setelah ditunjuk oleh tertuduh kepada SP12, dijelaskan oleh tertuduh dalam keterangannya bahawa sebenarnya SP16 yang menunjukkan tukul besi itu kepada SP12 dan bukan beliau. tertuduh juga memberi keterangan bahawa pada malam kejadian setelah beliau keluar dari rumah SP16, beliau ternampak tukul itu tiba-tiba ada dalam bakul motosikalnya, lalu dibuangnya ke dalam semak tanpa berfikir panjang kerana dalam keadaan ketakutan.

[13] Tertuduh seterusnya memberi keterangan bahawa segala perkara dan kejadian itu telah diceritakannya kepada rakan sekerjanya, SD2, yang juga kenalan SP16.

[14] Menjawab soalan peguambelanya tentang bagaimana tukul besi itu boleh berada dalam bakul motosikalnya, tertuduh menerangkan bahawa seminggu sebelum kejadian SP16 meminjam wang sejumlah RM500 darinya dan pinjam tukul milik tertuduh untuk buat kerja ubah suai rumahnya. Namun beliau tidak pasti sama ada tukul yang dibuangnya ke dalam semak pada pagi dinihari tarikh kejadian adalah sama dengan yang dipinjamkannya kepada SP16 kerana keadaan terlalu gelap waktu itu.

[15] Tertuduh juga menerangkan bahawa SP16, dan bukannya beliau, yang menunjukkan kepada polis tempat tukul besi dijumpai.

[16] Saksi yang dipanggil untuk menyokong keterangan tertuduh, SD2, merupakan rakan tertuduh yang telah banyak membantu tertuduh secara peribadi termasuk membenarkan tertuduh menggunakan namanya untuk membolehkan tertuduh membuat pinjaman pembelian barangan elektrik dan pinjaman kewangan pembelian motorsikal. Mahkamah ini memutuskan

keadaan itu semata-mata tidak bermakna SD2 merupakan saksi berkepentingan bagi tertuduh seperti dihujahkan oleh timbalan pendakwa raya.

[17] Namun demikian, setelah saya meneliti dan menilai keseluruhan keterangannya, saya memutuskan bahawa keterangan SD2 tidak membantu keterangan tertuduh. SD2 tidak berada di tempat kejadian, hanya mengetahui mengenai kematian si mati selepas kejadian. Keterangan SD2 tidak membantu mahkamah dalam membuat rumusan fakta kejadian. SD2 menyatakan dalam keterangannya bahawa dia dimaklumkan terdapat tiga versi bagaimana tertuduh mati. Pertama ialah setelah dia muntah darah, dimaklumkan kepadanya oleh bapa SP16, SP10. Versi kedua ialah diceritakan oleh saudara SP16 (yang tidak dikenal pasti oleh SD2) bahawa si mati dibunuh dan mayatnya dibuang ke dalam rumah SP16. Versi ketiga, juga dikatakan dalam keterangan SD2 dimaklumkan kepadanya oleh bapa SP16, SP10, iaitu si mati dibunuh oleh SP16 dan tertuduh.

[18] Mahkamah ini dapati sepanjang keterangan SD2, beliau tidak menyatakan perihal tertuduh memaklumkan kepadanya perihal kejadian pada malam pembunuhan, sedangkan tertuduh menyatakan dalam keterangannya di mahkamah bahawa dia telah memaklumkan mengenai kejadian itu kepada SD2.

DAPATAN

[19] Tatkala mahkamah ini memutuskan untuk memanggil tertuduh membela diri setelah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan suatu kes prima facie, mahkamah ini memakai prinsip undang-undang mengenai penentuan suatu kes prima facie seperti diputuskan oleh Vincent Ng H dalam kes *Public Prosecutor v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678; [1998] 4 CLJ 209 yang telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Abdullah bin Atan v Public Prosecutor and other appeals* [2020] 6 MLJ 727; [2020] 9 CLJ 151 seperti berikut:

> [44] As to what constitutes 'a prima facie' case, the judgment of Vincent Ng J (as he then was) in *Public Prosecutor v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678; [1998] 4 CLJ 209 is instructive. Although *Ong Cheng Heong* was decided prior to the amendment in 2006, we respectfully endorse His Lordship's views, at p 691 (MLJ); p 225 (CLJ):
>
> > What then constitutes a 'prima facie case'? 'Prima facie 'means on the face of it or at first glance ... perhaps the most appropriate definition of 'a prima facie case' could be found in the *Oxford Companion of Law* (p 987), which has it as: 'A case which is sufficient for an answer. While prima facie evidence is evidence which is sufficient to establish a fact in the absence of any evidence to the contrary, *but is not conclusive*'. It would follow that there should be credible evidence on each and every ingredient of the offence. Credible evidence is evidence which has

been filtered and which has gone through the process of evaluation. Any evidence which is not safe to be acted upon, should be rejected. (Emphasis added.)

At p 691 (MLJ); p 224 (CLJ), His Lordship said:

... to me, maximum evaluation simply means evaluation, on a prima facie basis, of each and every essential ingredient of the charge as tested in cross-examination. In other words, maximum evaluation connotes quantitative rather than qualitative evaluation of the evidence; with focus more on the evidential burden in terms of evidence led, rather than the persuasive burden in terms of qualitative degree of proof.

[20] Mahkamah ini berpuas hati pada tahap itu bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie melalui keterangan yang boleh dipercayai dan setelah mahkamah ini membuat suatu penilaian maksimum berbentuk kuantitatif terhadap semua keterangan yang dikemukakannya bersadarkan setiap inti pati pertuduhan.

[21] Mahkamah Persekutuan dalam *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* memutuskan bahawa apabila mahkamah memanggil seseorang tertuduh membela diri dan tertuduh memilih untuk memberi keterangan, tindakan mahkamah adalah sebegini:

(i) ...;

(ii) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263; [1963] 1 LNS 82.

[22] Suffian J (pada waktu itu) dalam *Mat v Public Prosecutor* memutuskan:

(a) if you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt ... convict;

(b) if you accept or believe the accused's explanation ... acquit;

(c) if you do not accept or believe the accused's explanation ... Do not convict but consider the next steps below;

(d) if you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt ... convict; and

(e) if you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt ... acquit.

[23] Prinsip undang-undang jenayah mengenai beban pembuktian di pihak pendakwaan tidaklah perlu dihuraikan dengan terperinci kerana ia amat jelas seperti diputuskan oleh Privy Council dalam *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89; [1968] 1 LNS 116 (PC). Tiada beban pembuktian di pihak

tertuduh dan cukuplah jika keterangan di pihaknya membuatkan timbul suatu keraguan munasabah kepada mahkamah tentang kebersalahannya. Namun demikian, keraguan munasabah tidak pula bermaksud mahkamah boleh menerima suatu bentuk keraguan rekaan tertuduh. Seperti dihuraikan dengan jelas oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Puganeswaran a/l Ganesan & Ors v Public Prosecutor and other appeals* [2020] 12 MLJ 165; [2020] 9 CLJ 326:

> [51] A 'reasonable doubt' however does not mean just any doubt conjured up by the accused to create a difficulty in the trial judge's mind. The meaning of 'reasonable doubt' has been explained by Lord Hewart CJ in *R v Podmore*'s 22 Cr App Rep 36 in the following terms in his direction to the jury:
>
> > You will not, I am sure, allow yourselves to be bewildered or troubled by such a phrase. What it means is not some whimsical or fanciful doubt, which a person might conjure up for the purpose of creating a difficulty but such a doubt as would govern a man's course of action in some private affair or moment of his own.
>
> [52] In *Underhill's Treaties on the Law of Criminal Evidence* (5th Edn, Vol 1 at p 34), the following passage on 'reasonable doubt' can be found:
>
> > A vague conjecture or an inference of the possibility of the innocence of the accused is not a reasonable doubt. A reasonable doubt is one which arises from a consideration of all the evidence in a fair and reasonable way. There must be a candid consideration of all the evidence and if, after this candid consideration is had by the jurors, there remains in their minds a conviction of the guilt of the accused, then there is no room for a reasonable doubt.
>
> [53] Perhaps the most oft-quoted definition of the expression 'proof beyond reasonable doubt' is that given by Lord Denning in *Miller v Minister of Pensions* [1947] 2 All ER 372 where at p 373 the learned judge said:
>
> > That degree is well settled. It need not reach certainty, but it must carry a high degree of probability. Proof beyond reasonable doubt does not mean proof beyond the shadow of a doubt. The law would fail to protect the community if it permitted fanciful possibilities to deflect the course of justice. If the evidence is so strong against a man as to leave only a remote possibility in his favour which can be dismissed with the sentence 'of course it is possible but not in the least probable', the case is proved beyond reasonable doubt.

[24] Setelah saya selesai mendengar 18 saksi pihak pendakwaan dan dua saksi pihak pembelaan, dan setelah membuat penilaian secara maksimum semua keterangan di hadapan saya, saya berpuas hati dan menerima keterangan SP16 sebagai saksi utama pihak pendakwaan yang merupakan saksi yang menyaksikan sendiri mengenai detik-detik kejadian sebelum kematian si mati yang dengan jelas menerangkan penglibatan tertuduh dalam pembunuhan si mati, menggunakan tukul besi, eksh P6(12)(a).

[25] Selanjutnya saya berpegang kepada keterangan SP17 ('pakar patologi') mengenai kematian yang berpunca dari 'kecederaan kepala akibat trauma tumpul', yang menurut keterangan SP17 adalah konsisten dengan eksh P6(12)(a). A

[26] Di akhir kes pembelaan saya berpegang kepada prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Agung seperti dibacakan oleh Mohamed Azmi HMA dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311: B

> It is trite law that the court need not be convinced of the defence story to entitle the accused to an acquittal. The burden of proof on the accused is indeed a light one which is merely to cast a reasonable doubt on the prosecutions case. C

[27] Saya telah teliti dan membuat penilaian maksima terhadap keterangan tertuduh mengenai apa yang berlaku pada malam kejadian. Saya juga telah meneliti laporan polis tertuduh ('eksh D65'). Saya memutuskan keterangan tertuduh mengenai bagaimana dia menerima panggilan telefon dari SP16 sehinggalah beliau sampai ke tempat kejadian dan ternampak jasad si mati yang telah sedia terbaring dalam rumah SP16, dan perihal beliau membuang tukul besi setelah berada dalam ketakutan apabila SP16 mencampakkan tukul besi itu ke dalam raga motosikalnya, saya putuskan sebagai keterangan yang gagal untuk menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Isu mengenai hubungannya dengan Kasturi saya putuskan, jikapun benar, tiada membawa apa-apa keraguan munasabah yang diperlukan. Keterangan SD2 juga, seperti yang telah saya garap di perenggan awal di atas, gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. D E F

[28] Apabila dinilai secara menyeluruh dengan keterangan-keterangan lain di hadapan saya khususnya keterangan SP16, membuatkan saya berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes tanpa keraguan munasabah bahawa kematian si mati adalah akibat perbuatan tertuduh. Saya tetap dengan dapatan ini walaupun setelah menilai kembali keterangan SP13 ('ahli kimia') bahawa ujian DNA yang dilakukan terhadap eksh P6(12)(a) menunjukkan keputusan negatif. G H

[29] Saya berpuas hati bahawa segala keterangan di hadapan mahkamah ini telah menjurus kepada pembuktian dengan jayanya oleh pihak pendakwaan terhadap semua inti pati pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan, iaitu: I

(a) mangsa iaitu Harithas a/l Raman telah mati;

(b) kematian si mati akibat kecederaan yang dialami;

A (c) kecedaraan yang dialami oleh si mati adalah akibat perbuatan tertuduh; dan

(d) perbuatan tertuduh semasa menyebabkan kecederaan terhadap si mati sehingga mengakibatkan kematian si mati dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian si mati.

B

[30] Saya berpuas hati bahawa tertuduh telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan dan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah.

C

[31] Oleh yang demikian, saya mendapati tertuduh bersalah dan mensabitkan tertuduh dengan pertuduhan di bawah s 302 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

D

[32] Setelah mendengar rayuan mitigasi oleh tertuduh, dan memandangkan hukuman di bawah s 302 Kanun Keseksaan adalah hukuman mati mandatori, maka saya telah menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh digantung di leher sampai mati.

E

Tertuduh disabitkan dengan kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati mandatori.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan

F

G

H

I